



30 Oktober 2012
30 October 2012
P.U. (A) 350

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI EKSAIS 2012

EXCISE DUTIES ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERINTAH DUTI EKSAIS 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 6(1) Akta Eksais 1976 [Akta 176], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Eksais 2012**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Oktober 2012.

Duti Eksais

2. Duti eksais hendaklah dilevi ke atas dan dibayar oleh pengilang atau pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dikilangkan di Malaysia atau diimport ke dalam Malaysia yang disenaraikan dalam ruang (2) Jadual pada kadar penuh yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual.

Pentafsiran kadar yang ditunjukkan dalam Jadual

3. Melainkan jika dinyatakan selainnya, kadar yang dikenakan di bawah perenggan 2 ialah—
 - (1) jika kadar duti yang dilevi itu dinyatakan mengikut kiraan peratusan, peratusan nilai barang-barang itu; dan
 - (2) jika kadar duti itu dinyatakan mengikut kiraan sejumlah wang, jumlah wang yang dinyatakan, dan kadar itu hendaklah dibayar atas setiap satu unit yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

Rukun-rukun bagi pentafsiran Jadual

4. Pentafsiran Jadual kepada Perintah ini hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip dalam Perintah Duti Kastam 2012 [P.U. (A) 275/2012].

Singkatan dan simbol

5. Singkatan dan simbol yang digunakan dalam Jadual kepada Perintah ini hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditunjukkan dalam Senarai Singkatan dan Simbol dalam Perintah Duti Kastam 2012.

Pembatalan

6. Perintah Duti Eksais 2004 [*P.U. (A) 5/2004*] dibatalkan.

EXCISE ACT 1976

EXCISE DUTIES ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 6(1) of the Excise Act 1976 [*Act176*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Excise Duties Order 2012**.
- (2) This Order comes into operation on 31 October 2012.

Excise duties

2. Excise duties shall be levied on and paid by the manufacturer or importer in respect of goods manufactured in Malaysia or imported into Malaysia listed in column (2) of the Schedule at the full rates specified in column (4).

Interpretation of rates shown in Schedule

3. Unless otherwise specified, the rates levied under paragraph 2 shall—
 - (1) where the rate of duty levied is expressed as a percentage, be that percentage of the value of the goods; and
 - (2) where the rate of duty is expressed as a sum of money, be the sum specified, and such rate shall be paid upon each unit specified in column (3) of the Schedule.

Rules for the interpretation of the Schedule

4. Interpretation of the Schedule to this Order shall be governed by the principles in the Customs Duties Order 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].

Abbreviations and symbols

5. The abbreviations and symbols used in the Schedules to this Order shall have the meaning as shown in the List of Abbreviations and Symbols in the Customs Duties Order 2012.

Revocation

6. The Excise Duties Order 2004 [*P.U. (A) 5/2004*] is revoked.